



# JKR STANDARD 2:2020 PENARAFAN HIJAU (PHJKR) BAGI FASILITI BANGUNAN KEDIAMAN DAN BUKAN KEDIAMAN



Penceramah: Mohd Ainor Yahya


Penarafan Hijau (pHJKR) bagi fasiliti  
bangunan dan bukan kediaman



# OUTLINE

- Perbezaan KB1 dan JKR Standard
- Klausu 0 : Pengenalan
- Klausu 1 : Skop
- Klausu 2 : Rujukan normatif
- Klausu 3 : Istilah dan takrifan
- Klausu 4 : Kriteria, tanggungjawab dan proses
- Klausu 5 : Kategori dan strategi pelaksanaan Penarafan Hijau (pHJKR)
- Q & A

# GARIS PANDUAN PH JKR KATEGORI BANGUNAN



KB1: kategori  
Bangunan Baharu  
Bukan Kediaman

KB1A: Penarafan Semula  
Bangunan Baharu Bukan  
Kediaman



KB2: Kategori Bangunan  
Sedia ada  
Bukan Kediaman



# KONSEP KRITERIA pH JKR



# JKR STANDARD



JKR/SIRIM 2:2020  
ICS: 91.040

**Penarafan Hijau (pHJKR) bagi fasiliti  
bangunan kediaman dan bukan kediaman**

© Hak Cipta 2020  
Jabatan Kerja Raya &  
SIRIM Berhad

| Kategori bangunan                                                                                           | Penerangan                                                                                                                                                                                                                                                                      |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Kategori A</b><br>(Rumah atas tanah)                                                                     | Rumah banglo, teres, berkembar, <i>town house</i> dan kluster.                                                                                                                                                                                                                  |
| <b>Kategori B</b><br>(Rumah bertingkat)                                                                     | Rumah pangsa, apartmen, kondominium, <i>service apartment</i> , <i>Small Office Home Office</i> (SOHO) dan lain-lain berkaitan.                                                                                                                                                 |
| <b>Kategori C</b><br>(Bangunan awam/<br>komersial/ industri<br><b>tanpa</b> sistem<br>penyejukan berpusat)  | Bangunan pejabat, sekolah, kilang, gudang, bengkel, hangar, <i>Small Office Flexible Office</i> (SOFO), <i>Small Office Virtual Office</i> (SOVO), rumah ibadat, dewan komuniti, lapangan terbang, <i>resort</i> , universiti, kolej, balai polis dan lain-lain yang berkaitan. |
| <b>Kategori D</b><br>(Bangunan awam/<br>komersial/ industri<br><b>dengan</b> sistem<br>penyejukan berpusat) |                                                                                                                                                                                                                                                                                 |

- *Self assessment*
- Pembangunan baru / Pemulihan ubahsuai naiktaraf (PUN) / Sedia ada/ penarafan semula
- Projek-projek kerajaan dan swasta
- Peringkat persekutuan dan Negeri

Standard ini telah dibangunkan oleh Jawatankuasa Projek mengenai Penarafan Hijau (pHJKR) bagi fasiliti bangunan kediaman dan bukan kediaman yang ditubuhkan oleh SIRIM Berhad.

P

Standard ini telah dibangunkan dengan objektif berikut:

R

a) sebagai garis panduan untuk menilai kelestarian sesuatu projek bangunan;

A

b) menyediakan strategi yang komprehensif dan sesuai ke arah pelaksanaan projek secara lestari;

K

c) memberi kesedaran dan menggalakkan pembangunan lestari; dan

d) sebagai garis panduan kepada semua pihak yang terlibat dengan penarafan hijau.

A

Standard ini akan tertakluk kepada semakan berkala untuk mengambil kira keperluan dan keadaan semasa. Pengguna dan mana-mana pihak yang berminat boleh mengemukakan ulasan mengenai kandungan standard ini untuk dipertimbangkan dalam semakan yang akan datang.

T

A

Pematuhan ke atas standard ini tidak dengan sendirinya memberikan kekebalan daripada obligasi undang-undang.



## **KLAUSA 0 : PENGENALAN**

Standard ini dibangunkan bagi membantu industri pembinaan mencapai piawaian bangunan hijau yang diiktiraf menurut keperluan semasa dengan mengambilkira pelbagai amalan pengurusan hijau yang baik. Standard ini dibuat dengan bersifat deskriptif beserta penerangan yang menyeluruh.

Standard ini telah dibangunkan berdasarkan dokumen Penarafan Hijau pHJKR yang telah diterbitkan oleh JKR pada tahun 2015. Keperluan standard ini mengambil kira amalan terbaik dan disusun mengikut turutan proses pelaksanaan sesebuah projek bangunan.

# KLAUSA 1 : SKOP

- Standard ini menetapkan kriteria penilaian dan kaedah untuk menilai kelestarian sesebuah fasiliti bangunan. Standard Penarafan Hijau ini memberi penekanan kepada tujuh bidang utama iaitu **perancangan dan pengurusan tapak lestari, pengurusan kecekapan tenaga, pengurusan sumber dan bahan, pengurusan kecekapan penggunaan air, pengurusan kualiti persekitaran dalaman, pengurusan fasiliti lestari dan inovasi dalam reka bentuk.**
- Standard ini digunakan untuk pembangunan baru, sedia ada dan penarafan semula. Ia merangkumi fasiliti bangunan kediaman dan bukan kediaman **kecuali fasiliti kesihatan.**

| ABB. | KRITERIA                                 |
|------|------------------------------------------|
| TL   | Perancangan dan Pengurusan Tapak Lestari |
| KT   | Pengurusan Kecekapan Tenaga              |
| SB   | Pengurusan Sumber dan Bahan              |
| PA   | Pengurusan Kecekapan Penggunaan Air      |
| PD   | Pengurusan Kualiti Persekitaran Dalaman  |
| FL   | Pengurusan Fasiliti Lestari              |
| IN   | Inovasi Dalam Reka bentuk                |



## KLAUSA 3 : ISTILAH DAN TAKRIFAN

Bagi tujuan standard ini, istilah dan takrifan berikut digunakan.

### 3.1 bangunan bukan kediaman

- Sesuatu bangunan selain daripada 3.2 atau sebahagian daripadanya yang direka bentuk, termasuklah gudang, pejabat, kedai, sekolah, dan sesuatu bangunan lain dalam mana orang bekerja.

### 3.2 bangunan kediaman

- Sesuatu bangunan atau sebahagian daripadanya yang direka bentuk, dipadan atau digunakan untuk kediaman manusia. [SUMBER: Undang-undang kecil bangunan seragam 1984]

### 3.3 dokumen pembuktian

- Dokumen seperti lukisan, katalog dan lain-lain yang diperlukan untuk membuktikan reka bentuk yang akan/telah dibina. Dokumen lain juga boleh dikemukakan bagi mencapai keperluan kriteria.



## KLAUSA 3 : ISTILAH DAN TAKRIFAN (SAMB.)

### 3.4 grey water

- Air sisa dari bilik mandi dan pancuran mandian, sinki basuh tangan dan dapur (jika dilengkapi dengan sistem perangkap minyak) tetapi tidak termasuk air kumbahan dan kotoran dari pengepaman tandas.

### 3.5 pegawai kompeten

- Pegawai yang memiliki persijilan green rating tool yang diiktiraf.

### 3.6 pembangunan baru

- Pembangunan baru atau bangunan sedia ada yang melibatkan pemulihan, naik taraf atau ubah suai dengan tambahan keluasan lebih 80 % daripada keluasan lantai asal.



## KLAUSA 3 : ISTILAH DAN TAKRIFAN (SAMB.)

### 3.7 pembangunan pemulihan/ubah suai/naik taraf (PUN)

- Bangunan sedia ada yang telah melalui pemulihan, ubah suai atau naik taraf dengan tambahan keluasan lantai kurang 80 % daripada keluasan asal (bukan blok berasingan).

#### 3.7.1 pemulihan

- Keadaan fizikal dan perkhidmatan fasiliti bangunan dikembalikan kepada keadaan asal.

#### 3.7.2 ubah suai

- Keadaan fizikal dan kefungsian fasiliti bangunan diubah bagi memenuhi keperluan penyampaian perkhidmatan, kehendak perundangan dan kehendak pihak yang berkepentingan (stakeholders).

#### 3.7.3 naik taraf

- Keadaan fizikal dan kefungsian fasiliti bangunan dipertingkatkan bagi memenuhi keperluan penyampaian perkhidmatan yang akan meningkatkan nilai aset.



## KLAUSA 3 : ISTILAH DAN TAKRIFAN (SAMB.)

### 3.8 pembangunan sedia ada

- Pembangunan sedia ada tanpa pemulihan, naik taraf atau ubah suai dan telah dihuni sekurang-kurangnya 3 tahun.

### 3.9 penarafan semula

- Penarafan semula terhadap bangunan yang telah mendapat Penarafan Hijau (pHJKR) selama 3 tahun.

# KLAUSA 4 : Kriteria, Tanggungjawab dan Proses

## 4.1 Kriteria

| ABB. | KRITERIA                                 |
|------|------------------------------------------|
| TL   | Perancangan dan Pengurusan Tapak Lestari |
| KT   | Pengurusan Kecekapan Tenaga              |
| SB   | Pengurusan Sumber dan Bahan              |
| PA   | Pengurusan Kecekapan Penggunaan Air      |
| PD   | Pengurusan Kualiti Persekitaran Dalaman  |
| FL   | Pengurusan Fasiliti Lestari              |
| IN   | Inovasi Dalam Reka bentuk                |



## KLAUSA 4.2 : PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

**4.2.1** Jawatankuasa Induk adalah jawatankuasa khusus yang ditubuhkan di peringkat Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia yang bertanggungjawab bagi:

- a) mengemas kini atau semakan semula dokumen standard; dan
- b) mengumpul, mengemas kini dan menganalisis maklumat daripada projek yang berdaftar dalam sistem pangkalan data (*database*).

**4.2.2** Jawatankuasa Penarafan adalah jawatankuasa khusus yang ditubuhkan oleh agensi kerajaan peringkat negeri yang bertanggungjawab bagi:

- a) mengesahkan keputusan yang disyorkan; dan
- b) merancang strategi program dan aktiviti bagi mempromosikan Penarafan Hijau



## KLAUSA 4.2 : PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB (SAMB.)

**4.2.3** Sekretariat adalah agensi atau organisasi yang dilantik oleh Jawatankuasa Penarafan yang bertanggungjawab bagi:

- a) menguruskan pendaftaran projek untuk penarafan hijau;
- b) mengumpul dan menguruskan maklumat berkenaan projek yang didaftar;
- c) mengesahkan pelantikan pemudah cara dan pasukan verifikasi;
- d) menguruskan pelantikan pasukan validasi;
- e) menguruskan mesyuarat Jawatankuasa Penarafan;
- f) mengeluarkan surat/sijil penarafan atas kelulusan Jawatankuasa Penarafan; dan
- g) mengemukakan senarai penarafan projek dan salinan sijil penarafan kepada Jawatankuasa Induk di peringkat Ibu Pejabat JKR.



## KLAUSA 4.2 : PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB (SAMB.)

**4.2.4** Ketua Pasukan Projek adalah pegawai profesional yang dilantik oleh pemilik projek (*project owner*)/pengurus bangunan dan bertanggungjawab bagi:

- a) memastikan proses penarafan termasuk urusan pentadbiran dan logistik berjalan lancar sehingga penarafan dicapai;
- b) mengenal pasti dan melantik pemudah cara;
- c) memantau prestasi pemudah cara;
- d) mengenal pasti dan melantik pasukan verifikasi; dan
- e) mengumpul dan melaporkan maklumat pendaftaran dan rekod pencapaian penarafan beserta dokumen pembuktian kepada sekretariat berdasarkan kepada kemajuan pelaksanaan.

**4.2.5** Pemudah cara adalah pegawai kompeten yang bertanggungjawab bagi:

- a) memenuhi keperluan di dalam standard ini;
- b) mengkoordinasi setiap disiplin/bidang berkaitan dengan aktiviti penarafan;
- c) melaksanakan penilaian sendiri bersama pasukan projek; dan
- d) mengumpul dan menyampaikan maklum balas daripada pengguna kepada sekretariat.



## KLAUSA 4.2 : PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB (SAMB.)

**4.2.6** Pasukan Projek terdiri daripada ahli yang dilantik oleh pemilik projek (*project owner*)/pengurus bangunan dan bertanggungjawab bagi:

- a) menjalankan aktiviti kepatuhan terhadap kriteria Penarafan Hijau;
- b) menentukan markah penarafan hijau yang munasabah untuk projek mengikut skop, kos dan keperluan projek;
- c) merujuk senarai semak penarafan hijau bagi rekabentuk dan spesifikasi yang memenuhi kriteria markah yang dimohon;
- d) memastikan penarafan hijau atau agenda hijau diletakkan sebagai salah satu agenda dan status kemajuannya dibincangkan bersama dalam mesyuarat;
- e) menyediakan dokumen pembuktian mengikut disiplin bagi memenuhi proses penarafan diperingkat penilaian reka bentuk, verifikasi pemarkahan dan validasi pemarkahan;
- f) bertanggungjawab bagi memastikan markah yang disasarkan dapat dicapai disemua peringkat penarafan;
- g) menyampaikan maklum balas daripada pengguna kepada pemudah cara.



## **KLAUSA 4.2 : PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB (SAMB.)**

**4.2.7** Pasukan verifikasi adalah pasukan projek yang berkenaan yang terdiri daripada pegawai kompeten yang bertanggungjawab bagi:

- a) menentukan pelaksanaan di tapak mengikut reka bentuk yang telah dipersetujui; dan
- b) mengesyorkan penarafan kepada Jawatankuasa Penarafan.

**4.2.8** Pasukan validasi adalah satu pasukan berkecuali yang terdiri daripada pegawai kompeten yang dilantik oleh sekretariat dan bertanggungjawab bagi:

- a) menentukan pelaksanaan di tapak mengikut reka bentuk yang telah dipersetujui; dan
- b) mengesyorkan penarafan 4 bintang dan ke atas kepada Jawatankuasa Penarafan.

# KATEGORI BANGUNAN BARU, PEMULIHAN, UBAHSUAI DAN NAIK TARAF

| PERANAN                | PERSEKUTUAN                    |                                | NEGERI                                                             | SWASTA                                                             |
|------------------------|--------------------------------|--------------------------------|--------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------|
|                        | Konvensional                   | Penilaian Kendiri              |                                                                    |                                                                    |
| Jawatankuasa Induk     | Ibu Pejabat JKR                |                                |                                                                    |                                                                    |
| Jawatankuasa Penarafan | CASKT                          | CASKT                          | SUK NEGERI /JKR Negeri /CASKT                                      | SUK Negeri/ JKR Negeri/ CASKT                                      |
| Sekretariat            | CASKT                          | CASKT                          | JKR Negeri/ CASKT/ Swasta                                          | JKR Negeri/ CASKT/ Swasta                                          |
| Ketua Pasukan Projek   | HOPT                           | HOPT                           | RE/Perunding/Pemilik/Deve<br>loper/SO/PD/ DLL                      | RE/Perunding/Pemilik/Deve<br>loper/SO/PD/ DLL                      |
| Pemudahcara/ Penilai*  | HODT ALAM SEKITAR/<br>*PENILAI | HODT Alam Sekitar              | Certified Green Rating<br>Personnel                                | Certified Green Rating<br>Personnel                                |
| Pasukan Projek         | HODT                           | HODT                           | Perunding/ Jurutera/<br>Arkitek/ JKR Negeri                        | Perunding/ Jurutera/<br>Arkitek/ JKR Negeri                        |
| Pasukan Verifikasi     | Penilai pH JKR (Caw.<br>Pakar) | HODT                           | Perunding/ Jurutera/<br>Arkitek/ JKR Negeri                        | Perunding/ Jurutera/ Arkitek                                       |
| Pasukan Validasi       | -                              | Penilai pH JKR (Caw.<br>Pakar) | Penilai penarafan hijau<br>(Dilantik Sekretariat dari<br>database) | Penilai penarafan hijau<br>(Dilantik Sekretariat dari<br>database) |

# KATEGORI BANGUNAN SEDIA ADA DAN PENARAFAN SEMULA

| PERANAN                | PERSEKUTUAN                 |                             | NEGERI                                                       | SWASTA                                                       |
|------------------------|-----------------------------|-----------------------------|--------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------|
|                        | Konvensional                | Penilaian Kendiri           |                                                              |                                                              |
| Jawatankuasa Induk     | Ibu Pejabat JKR             |                             |                                                              |                                                              |
| Jawatankuasa Penarafan | CASKT                       | CASKT                       | SUK Negeri/JKR Negeri /CASKT                                 | SUK Negeri/ JKR Negeri/ CASKT                                |
| Sekretariat            | CASKT                       | CASKT                       | JKR Negeri/Agensi/ CASKT/ Swasta                             | JKR Negeri/ Agensi/CASKT/ Swasta                             |
| Ketua Pasukan Projek   | Pengurus Bangunan           | Pengurus Bangunan           | Pengurus Bangunan                                            | Pengurus Bangunan                                            |
| Pemudahcara/ Penilai*  | HODT ALAM SEKITAR/ *PENILAI | HODT Alam Sekitar           | Certified Green Rating Personnel                             | Certified Green Rating Personnel                             |
| Pasukan Projek         | Pasukan Senggaraan          | Pasukan Senggaraan          | Pasukan Senggaraan                                           | Pasukan Senggaraan                                           |
| Pasukan Verifikasi     | Penilai pH JKR (Caw. Pakar) | Pasukan Senggaraan          | Pasukan Senggaraan                                           | Pasukan Senggaraan                                           |
| Pasukan Validasi       | -                           | Penilai pH JKR (Caw. Pakar) | Penilai penarafan hijau (Dilantik Sekretariat dari database) | Penilai penarafan hijau (Dilantik Sekretariat dari database) |



## KLAUSA 4.3 :PROSES PELAKSANAAN PENARAFAN HIJAU (PHJKR)

Penarafan Hijau (pHJKR) menekankan perkembangan keseluruhan daripada fasa perancangan hingga penyerahan. Proses pelaksanaan ini terbahagi kepada dua jenis pembangunan, iaitu baru dan sedia ada. Proses pelaksanaan penarafan hijau bagi bangunan baru/sedia ada adalah seperti rajah di bawah:

- a) Peringkat 1 - Permohonan dan pendaftaran (lihat Rajah 1);
- b) Peringkat 2 - Penilaian reka bentuk (lihat Rajah 2);
- c) Peringkat 3 - Verifikasi pemarkahan (lihat Rajah 3); dan
- d) Peringkat 4 - Validasi pemarkahan (lihat Rajah 4).

## PERINGKAT 1 - PERMOHONAN DAN PENDAFTARAN (LIHAT RAJAH 1)

| Peringkat                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             | Carta proses                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                         | Tanggungjawab                                                                                            | Prosedur/rujukan                                                                                                                                                                                                                                                                                                           |
|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Permohonan dan pendaftaran                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            | <pre> graph TD     Mula([Mula]) --&gt; B1[Kemukakan borang pendaftaran kepada Sekretariat]     B1 --&gt; D1{Semak kecukupan dokumen}     D1 -- Tidak --&gt; B2[Tambah maklumat]     B2 --&gt; B1     D1 -- Ya --&gt; B3[Daftar untuk menjalankan penarafan]     B3 --&gt; B4[Pengesahan pendaftaran dan pelantikan pemudah cara]     B4 --&gt; A((A))         </pre> | <p>Ketua Pasukan Projek / HODT Alam Sekitar</p> <p>Sekretariat</p> <p>Sekretariat</p> <p>Sekretariat</p> | <p>Lengkapkan borang pendaftaran Penarafan Hijau (pHJKR) pada Lampiran A.</p> <p>Pastikan borang pendaftaran maklumat berkenaan projek lengkap.</p> <p>Menguruskan maklumat berkenaan projek yang didaftar.</p> <p>Surat pengesahan pendaftaran projek dan pelantikan pemudah cara diberi kepada Ketua Pasukan Projek.</p> |
| <p>NOTA:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pendaftaran perlu dilaksanakan di peringkat perancangan projek.</li> <li>2. Kategori bangunan yang layak adalah seperti di Jadual 1.</li> <li>3. Tempoh sah pendaftaran adalah selama dua tahun. Proses penilaian reka bentuk (Peringkat 2) perlu dilaksanakan dalam tempoh tersebut. Walaubagaimanapun, perlanjutan tempoh boleh dimohon oleh Ketua pasukan projek berdasarkan kepada kemajuan pelaksanaan projek.</li> </ol> |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      |                                                                                                          |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            |

## PERINGKAT 2 - PENILAIAN REKA BENTUK (LIHAT RAJAH 2)

| Peringkat                                                                                                                  | Carta proses                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             | Tanggungjawab                                                                                                                                                                    | Prosedur/rujukan                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 |
|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Penilaian reka bentuk                                                                                                      | <pre> graph TD     A((A)) --&gt; B[Kumpul dan kemukakan dokumen untuk penilaian]     B --&gt; C{Semak kecukupan}     C -- Tidak --&gt; D[Tambahan maklumat]     D --&gt; B     C -- Ya --&gt; E[Penilaian sendiri bersama pasukan projek]     E --&gt; F{Keputusan penilaian}     F -- Tidak --&gt; G[Tambahan maklumat]     G --&gt; E     F -- Ya --&gt; H[Kemukakan keputusan penilaian kepada sekretariat]     H --&gt; I[Sijil Penarafan Bersyarat dikeluarkan]     I --&gt; B2((B))         </pre> | <p>Pemudah cara</p> <p>Pemudah cara</p> <p>Pemudah cara dan Ketua Pasukan Projek</p> <p>Pemudah cara dan Ketua Pasukan Projek</p> <p>Ketua Pasukan Projek</p> <p>Sekretariat</p> | <p>Lengkapkan borang penilaian pemarkahan Penarafan Hijau pada Lampiran C.</p> <p>Semak dan pastikan borang penilaian pemarkahan bagi projek lengkap.</p> <p>Menilai Penarafan Hijau bagi projek.</p> <p>Mendapatkan keputusan berdasarkan penilaian bersama pasukan projek.</p> <p>Mengemukakan keputusan penilaian yang dilakukan bersama pasukan projek, beserta dengan dokumen pembuktian.</p> <p>Sijil Penarafan Bersyarat kepada Ketua Pasukan Projek.</p> |
| <p>NOTA: Pemeriksaan secara rawak ke atas penilaian sendiri akan dibuat sebelum pengeluaran sijil penarafan bersyarat.</p> |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                          |                                                                                                                                                                                  |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  |

## PERINGKAT 3 - VERIFIKASI PEMARKAHAN (LIHAT RAJAH 3)

| Peringkat             | Carta proses                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                    | Tanggungjawab                                                                                                                               | Prosedur/rujukan                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                         |
|-----------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Verifikasi pemarkahan | <pre> graph TD     B((B)) --&gt; A[Memaklumkan pelaksanaan sesi verifikasi kepada sekretariat selepas projek siap]     A --&gt; D[Sesi verifikasi bersama pasukan verifikasi]     D --&gt; E{Menentukan keputusan penarafan}     E -- Tidak setuju --&gt; F[Tambah maklumat]     F --&gt; D     E -- Setuju --&gt; G[Memaklumkan keputusan penarafan kepada sekretariat]     G --&gt; H[Keputusan penarafan dan sijil penarafan dikeluarkan]     H --&gt; C((C))         </pre> | <p>Ketua Pasukan Projek</p> <p>Pemudah cara dan Ketua Pasukan Projek</p> <p>Pemudah cara</p> <p>Ketua Pasukan Projek</p> <p>Sekretariat</p> | <p>Makluman dibuat secara bertulis. Aktiviti verifikasi bermula enam bulan selepas mendapat CPC atau 50 % telah dihuni.</p> <p>Lengkapkan borang penilaian pemarkahan Penarafan Hijau pHJKR pada <b>Lampiran C</b>.</p> <p>Sekiranya verifikasi semula perlu diadakan, pemudah cara perlu mengemukakan maklumat tambahan kepada pasukan verifikasi. Hanya sekali verifikasi semula sahaja dibenarkan.</p> <p>Makluman dibuat secara rasmi dan disertakan dengan salinan Lampiran C, beserta dokumen pembuktian.</p> <p>Mengemukakan keputusan dan salinan sijil penarafan kepada Jawatankuasa Induk.</p> |

### NOTA:

- Tempoh sah laku sijil penarafan adalah selama 3 tahun. Penarafan semula boleh mula dilaksanakan dalam masa 6 bulan sebelum tarikh tamat tempoh sijil penarafan.
- Sijil penarafan hanya akan dikeluarkan oleh sekretariat untuk penarafan 3 bintang dan ke bawah.
- Bagi penarafan 4 bintang ke atas perlu melalui proses validasi (Peringkat 4)

## PERINGKAT 4 - VALIDASI PEMARKAHAN (LIHAT RAJAH 4)


| Peringkat           | Carta proses                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      | Tanggungjawab                                                                                                                                                                        | Prosedur/rujukan                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 |
|---------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Validasi pemarkahan | <pre> graph TD     C((C)) --&gt; A[Permohonan penarafan 4 bintang dan ke atas]     A --&gt; B[Penerimaan permohonan dan pelantikan pasukan validasi]     B --&gt; C1[Sesi validasi bersama pasukan projek]     C1 --&gt; D{Menentukan keputusan penarafan}     D -- Tidak setuju --&gt; E[Tambah maklumat]     E --&gt; D     D -- Setuju --&gt; F[Jawatankuasa Penarafan bersidang bagi keputusan dan sijil bagi penarafan 4 bintang dan ke atas dikeluarkan.]     D -- Tidak setuju --&gt; G[Sijil bagi penarafan 3 bintang dikeluarkan.]     F --&gt; H((Tamat))     G --&gt; H         </pre> | <p>Pemudah cara dan Ketua Pasukan Projek</p> <p>Sekretariat</p> <p>Pasukan validasi</p> <p>Pemudah cara</p> <p>Pasukan validasi</p> <p>Jawatankuasa Penarafan</p> <p>Sekretariat</p> | <p>Semakan borang penilaian pemarkahan Penarafan Hijau pHJKR pada Lampiran C.</p> <p>Sekiranya validasi semula perlu diadakan, pemudah cara perlu mengemukakan maklumat tambahan kepada pasukan validasi.</p> <p>Pasukan validasi mengemukakan keputusan kepada sekretariat.</p> <p>Mengemukakan keputusan dan salinan sijil penarafan bagi 4 bintang dan ke atas kepada Jawatankuasa Induk di peringkat Ibu Pejabat JKR.</p> <p>Bagi projek yang tidak melepasi proses validasi, sijil penarafan 3 bintang akan dikemukakan</p> |

# Klausa 4.3 :Proses pelaksanaan Penarafan Hijau (pHJKR)



# Klausa 4.3 :Proses pelaksanaan Penarafan Hijau (pHJKR)

Kategori Bangunan Sedia ada - Penarafan Semula



# Klausa 4.3 :Proses pelaksanaan Penarafan Hijau (pHJKR)



## KLAUSA 4.4 :KATEGORI BANGUNAN

| Kategori bangunan                                                                                   | Penerangan                                                                                                                                                                                                                                                                      |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Kategori A</b><br>(Rumah atas tanah)                                                             | Rumah banglo, teres, berkembar, <i>town house</i> dan kluster.                                                                                                                                                                                                                  |
| <b>Kategori B</b><br>(Rumah bertingkat)                                                             | Rumah pangsa, apartmen, kondominium, <i>service apartment</i> , <i>Small Office Home Office</i> (SOHO) dan lain-lain berkaitan.                                                                                                                                                 |
| <b>Kategori C</b><br>(Bangunan awam/ komersial/ industri <b>tanpa</b> sistem penyeyjukan berpusat)  | Bangunan pejabat, sekolah, kilang, gudang, bengkel, hangar, <i>Small Office Flexible Office</i> (SOFO), <i>Small Office Virtual Office</i> (SOVO), rumah ibadat, dewan komuniti, lapangan terbang, <i>resort</i> , universiti, kolej, balai polis dan lain-lain yang berkaitan. |
| <b>Kategori D</b><br>(Bangunan awam/ komersial/ industri <b>dengan</b> sistem penyeyjukan berpusat) |                                                                                                                                                                                                                                                                                 |

Jadual 1. Kategori bangunan

# KLAUSA 4.5 :MATRIKS

| No.  | Kriteria                                                                                           | Pembangunan |   |   |   |     |    |    |    |                            |    |    |   |
|------|----------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------|---|---|---|-----|----|----|----|----------------------------|----|----|---|
|      |                                                                                                    | Baru        |   |   |   | PUN |    |    |    | Penarafan semula/sedia ada |    |    |   |
|      |                                                                                                    | A           | B | C | D | A   | B  | C  | D  | A                          | B  | C  | D |
| TL   | Perancangan dan pengurusan tapak lestari                                                           |             |   |   |   |     |    |    |    |                            |    |    |   |
| 1    | Perancangan tapak                                                                                  | ✓           | ✓ | ✓ | ✓ | TB  | TB | TB | TB | TB                         | TB | TB | T |
| 2    | Sistem pengurusan alam sekitar (SPAS)                                                              | ✓           | ✓ | ✓ | ✓ | ✓   | ✓  | ✓  | ✓  | TB                         | TB | TB | T |
| 3    | Kerja tanah lestari                                                                                | ✓           | ✓ | ✓ | ✓ | ✓   | ✓  | ✓  | ✓  | TB                         | TB | TB | T |
| 4    | Pelan kawalan hakisan dan kelodak (ESCP)                                                           | ✓           | ✓ | ✓ | ✓ | ✓   | ✓  | ✓  | ✓  | TB                         | TB | TB | T |
| 5*   | Pemuliharaan dan pemeliharaan cerun                                                                | ✓           | ✓ | ✓ | ✓ | ✓   | ✓  | ✓  | ✓  | ✓                          | ✓  | ✓  | ✓ |
| 6    | Pengurusan air larian hujan                                                                        | ✓           | ✓ | ✓ | ✓ | ✓   | ✓  | ✓  | ✓  | ✓                          | ✓  | ✓  | ✓ |
| 7    | Reka bentuk, aksesibiliti dan kemudahan OKU                                                        | TB          | ✓ | ✓ | ✓ | TB  | ✓  | ✓  | ✓  | TB                         | ✓  | ✓  | ✓ |
| 8    | Landskap strategik                                                                                 |             |   |   |   |     |    |    |    |                            |    |    |   |
| 8.1* | Memelihara dan menyenggara pokok yang matang                                                       | ✓           | ✓ | ✓ | ✓ | ✓   | ✓  | ✓  | ✓  | ✓                          | ✓  | ✓  | ✓ |
| 8.2  | Menyediakan kawasan hijau                                                                          | ✓           | ✓ | ✓ | ✓ | ✓   | ✓  | ✓  | ✓  | ✓                          | ✓  | ✓  | ✓ |
| 8.3  | Menyedia dan menyenggara penanaman pokok teduhan                                                   | ✓           | ✓ | ✓ | ✓ | ✓   | ✓  | ✓  | ✓  | ✓                          | ✓  | ✓  | ✓ |
| 8.4  | Pemilihan bahan binaan siar kaki ( <i>walkway</i> ) yang mempunyai daya pantulan haba yang tinggi. | ✓           | ✓ | ✓ | ✓ | ✓   | ✓  | ✓  | ✓  | ✓                          | ✓  | ✓  | ✓ |
| 8.5  | Menyediakan dan menyenggara sistem <i>pavement</i> berumput                                        | ✓           | ✓ | ✓ | ✓ | ✓   | ✓  | ✓  | ✓  | ✓                          | ✓  | ✓  | ✓ |
| 9    | Bumbung dan dinding hijau                                                                          |             |   |   |   |     |    |    |    |                            |    |    |   |
| 9.1  | Indeks Pantulan Suria (SRI) mengikut jenis dan kecerunan bumbung                                   | ✓           | ✓ | ✓ | ✓ | ✓   | ✓  | ✓  | ✓  | ✓                          | ✓  | ✓  | ✓ |
